

BAB KEDUA

BAB II

Usaha Dakwah Muhammad Abdul Wahhab.

2.1 Peringkat-Peringkat Dakwah.

Pada pandangan Muhammad Abdul Wahhab masyarakat Islam sudah tidak lagi murni sebagaimana masyarakat di zaman Nabi s.a.v dan para sahabat. Banyak penyelewengan aqidah yang telah dilakukan oleh masyarakat Arab di zamannya. Diantaranya mereka mengagong-agongkan kubur para soleh¹, menjadikan orang yang telah mati untuk meminta syafaat kepada Allah, mengambil berkat dari pokok-pokok dan batu-batu. Kehidupan mereka berada dalam kesesatan dan kemungkaran.

Menurut pengamatannya bentuk khurafat dan bidaah telah dan tengah menyelusup masuk ke dalam masyarakat Islam. Tambahan lagi beliau menang terkenal seorang yang gigih dan radikal dalam usaha pemurnian dalam bidang aqidah. Dengan demikian besar sekali minatnya untuk mengembalikan Islam sebagaimana yang diamalkan oleh ulama-ulama salaf yang terdiri dari para sahabat dan tabiin.

Jadi perjuangan utamanya adalah untuk mengembalikan Islam kepada sumbernya yang asli berdasarkan Al Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w, membersihkan tauhid dari segala

1

Sayyid Muhammad Ibrahim, Tarikh al Manlakah al Arabiah, Maktabah Riyad al Hadith, Arab Saudi. 1973 hal. 137.

macam syirik, membersihkan ibadah dari segala macam
 bidaah dan menganjurkan hidup sederhana.

Sebelum kita melihat perjalanan dakwah yang dilakukan oleh Muhammad Abdul Wahhab, rasanya perlu kita melihat faktor-faktor yang mempengaruhi beliau untuk melaksanakan tugas penting ini. Dalam buku yang bertajuk "Mamlakah Arabiah Saudiah" menyebut empat faktor yang telah mempengaruhi beliau iaitu;

a. Suasana Keluarga.

Kehidupan beliau dalam suasana ilmu dan agama. Bapanya seorang fugaha Hambali dan kadhi. Manakala datuknya seorang ulama di Najd.

b. Pelajaran

Beliau mulakan pengajiannya dengan mengkaji kitab-kitab Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Qayyim. Oleh itu beliau banyak terpengaruh dengan idea-idea mereka yang berusaha memperbaiki umat Islam.

c. Pengalamanannya.

Perjalannya dari satu tempat kesatu tempat untuk mencari ilmu telah menampakkan kepadanya keadaan masyarakat yang banyak melakukan kemungkar dan -----

2

Imam Nunawir, Mengenal Peribadi 30 Pendekar dan Pemikir Islam Dari masa Kesenasa. Pt Bina Ilmu Surabaya. 1985 h. 445

3

Hassan Sulaiman Muhammad dan Sayyid Muhammad Ibrahim, al Mamlakah al Arabiah as Saudiahfi Ithari Tarikh al Watan al Akabi al Kabir fi Usuri al Hadith, al Sunnah al Muhammadiyah Kaherah. hal 59.

kemaksian.

d. Masyarakat Tempat Tinggalnya.

Kehilangan masyarakatnya yang penuh dengan syizik dan bidaah yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

Hasil dari faktor-faktor tersebut telah mempengaruhi jiwnya untuk menjalankan usaha dakwah kepada masyarakat. Beliau menjalankan tugas dakwah melalui dua peringkat;

1. Peringkat Pardi (Perseorangan).

Di peringkat pertama secara perseorangan ini dimulakan semenjak beliau masih menuntut lagi. Sebagai seorang yang sedar tanggungjawab terhadap agama dan masyarakat beliau merasa dukacita melihat kemungkaran dan unsur-unsur syizik yang dilakukan oleh ramai kalangan masyarakat dimana-mana sahaja kerana itu beliau berusaha mengingkarinya. Pernah beliau menentang bidaah dan khurafat yang dilakukan oleh orang ramai yang mengunjungi kubur Rasulullah s.a.v.

Senara beliau masih belajar di Basrah beliau mula berdakwah, menasihati umat Islam di kawasan itu, menulis risalah agama dan menyebarkan kepada orang ramai. Beliau menerangkan aqidah Islam yang sebenarnya kepada orang ramai dan menentang amalan bidaah dan khurafat yang berlaku. Umpamanya membina bangunan dan kubah-kubah di atas kubur yang pada anggapan mereka boleh mendekatkan

diri kepada Allah.⁴

Beliau sangat marah kepada orang-orang yang melampaui menyenjung tinggi wali-wali khususnya wali-wali yang telah mati. Beliau menentang keras orang yang mengunjungi kubur wali dan meminta sesuatu hajat atau permohonan daripadanya. Pernah beliau berbincang dengan ulama-ulama di Basrah tentang agama. Kebanyakan dikalangan ulama tersebut mengajak kepada amalan yang bertentangan dengan Islam.⁵

Oleh sebab penentangannya yang kuat terhadap penduduk di Basrah ini beliau dihalau keluar oleh penduduk Basrah dan akhirnya kembali ke Harramila. Di Harramila beliau meneruskan dakwahnya dengan melarang orang ramai menuju kubur-kubur, pokok-pokok dan sebarang unsur kesesatan dan syizik. Dilemparkan kritik yang tajam terhadap khurafat dan bidaah yang berlaku. Tidak hairanlah dengan audah ia mendapat tentangan yang hebat. Saudaranya sendiri Sulaiman b. Abdul Wahhab turut menentangnya.⁶

Setelah ayahnya meninggal dunia, musuh-musuhnya semakin kuat melakukan penentangan terhadapnya kerana itu beliau mlarikan diri ke Uyaynah. Di sini beliau menerangkan ajaran pemikirannya kepada Amir Othman b.

4. Fathi Yakan, al Mausyah al Harakiah, Juz 1 Muassasah Risalah, Beirut 1980, hal. 169.

5

Sayyid Muhammad Ibrahim, On Cit hal. 139.

6

Ibid.

Hendu b. Maanar dan beginda bersetuju serta memberi sokongan kepadanya.

b. Dakvah Peringkat Kedua.

Dakvah peringkat kedua adalah bersama penyokong yang ramai. Ini berlaku setelah ia mendapat sokongan dari Amir Uyainah. Hasil dari adanya sokongan yang kuat beliau mula melaksanakan dakvahnya secara praktikal. Antara yang beliau lakukan ialah :

1. Merobohkan binaan di atas kubur dan kubah-kubah atas persetujuan dari Amir Uyainah. Beliau juga meruntuhkan masjid-masjid yang dibina di atas kubur para sahabat di Jabalish. Diantaranya kubah yang dibina di atas kubur Zaid b. Al Khatib yang dijadikan tempat bertavassul.
2. Memotong pokok-pokok dan pohon kurma yang dijadikan tempat mendapat berkat. Umpamanya pokok yang dinamakan 'Fuhul' dan 'Thuraifah'.
3. Melaksanakan hukuman rejam ke atas pengzina perempuan yang mengaku berzina setelah perempuan itu membuat pengakuan sendiri.

Oleh kerana peluang dan keizinan yang diberikan oleh pemerintah ketika itu, maka dakvahnya mula tersebar

⁷ Hassan Sulaiman Muhammad & Sayyid Muhammad Ibrahim,
Ib Gct hal. 61-62.

keseluruh negri di sekitarnya. Berita ini telah sampai kepada raja Al Ihsa' iaitu Sulaiman b. Muhammad b. Azizi Hamid dan beliau telah mengarahkan kepada Amir Uyainah ⁸ supaya membunuh Muhammad Abdul Wahhab.

Mendengar khabar tersebut dengan berani beliau ⁹ mengatakan:

Pendirian yang saya pegang dan risalah yang saya laungkan kepada setiap orang ialah Tiada tuhan selainkan Allah. Aku menyeru kepada prinsip Islam iaitu menyuruh kepada kebaikan dan melarang kecungkaran. Jikalau memegang teguh risalah ini, Insya Allah, Allah akan mengalahkan musuh kamu.

Oleh kerana arahan tersebut, Amir Othman memerintahkan Muhammad Abdul Wahhab keluar dari daerah Uyainah dengan tujuan mengelakkan dari dibunuh. Beliau keluar dari daerah tersebut menuju ke Dar'Iah. Di Dar'Iah beliau mendapat sokongan pula dari Amir Muhammad b. Saud. Disini beliau berdakwah sama seperti ditempat lain iaitu mengajar Amir dan orang ramai kembali kepada tauhid yang sebenar dan meninggalkan khurafat, bidaah dan syirik.

Amir Muhammad memberi sokongan dan membuat dua syarat kepada beliau. Syarat-syarat itu ialah:

a. Meminta supaya Muhammad Abdul Wahhab jangan meninggalkan beliau sekiranya Allah memberi kejayaan

8

Ibid.

9

Maryam Jameelah, Suka Duka Gerakan Islam Dunia Arab, (terjemahan Nazri Mohamad Amin) Penerbitan Gedung Ummah Terengganu cet 1 1984 hal. 3.

kepada mereka nanti.

b. Muhammad Abdul Wahhab jangan menghalang Amir Muhammad dari menerima cukai khoray yang telah ditetapkan ke atas penduduk Dar'lah.

Syarat pertama diterima oleh Muhammad Abdul Wahhab dengan katanya darah sesama dazah dan mati sesama mati.
Adapun syarat kedua ditolak oleh beliau, dengan katanya :
Mudah-mudahan Allah memberi kesenangan kepada kita dan kita dapat membuka negeri lain dan kita dapat kekayaan daripada pembukaan itu.
¹⁰

Setelah itu mereka berbai'ah untuk berdakwah dan berjihad di jalan Allah. Setelah beberapa tahun menjalankan dakwah, beliau berjaya menyatukan umat Arab dibawah satu naungan agidah yang berdasarkan Al Quran dan
¹¹
Sunnah Rasulullah s.a.v.

2.2 Pendekatan Dakwah Muhammad Abdul Wahhab.

Untuk mengetahui bagaimana ajaran yang dibawa oleh Muhammad Abdul Wahhab dapat dilihat diantara lain dari dua buku karya beliau iaitu Kitab Tauhid dan Kasyfu Al Syubhaat.

Dari dua buah karyanya tersebut dapat dikatakan

¹⁰

Mas'ud Nadawi, Muhammad Abdul Wahhab Muslih Nazlum wa Muftaki alaihi. Manakah Arabiah Saudiah, 1984 hal 42-43.

¹¹

Ibid.

bahawa method ajaran Muhammad Abdul Wahhab adalah bersifat praktis. Banyak contoh-contoh yang boleh kita lihat khususnya usaha penentangan beliau terhadap syizik dan bidaah yang berlaku di zamaninya. Semua usaha dia dahulunya tersebut bersifat praktis yang tidak semata-mata mengeluarkan hukum dan fatwa sahaja.

12

Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Abu Zuhrah didalam membincangkan golongan Wahabbiah. Beliau mengatakan:

13

Muhammad b. Abdul Wahhab banyak mengkaji dan meneliti karangan-karangan Ibnu Taimiyah. Setelah mengkaji dan menganalisa dengan mendalam beliau mempratikkan segala pemikiran aqidah yang dikemukakan oleh Ibnu Taimiyah yang berdasarkan Al Quran dan Sunnah sekipun idea tersebut tidak dilaksanakan oleh Ibnu Taimiyah.

Apabila kita bandingkan antara karya-karya Muhammad Abdul Wahhab ini dengan kitab-kitab ilmu kalam pada umumnya baik yang disusun oleh golongan Muktazilah mahupun golongan Asy'ariyah atau Mathuridiyah maka jelas sekali perbezaannya.

Kitab-kitab ilmu kalam pada umumnya bersifat pemikiran teoritis yang berusaha merumuskan konsep-konsep ketuhanan yang bersifat filosofis rasional. Usaha-usaha para mutakallimun ternyata hanya terbatas sampai -----

12

Drs Iason A. Nanan, Pelbagai Maazah Tauhid Populer 1 Pt Bina Ilmu Surabaya 1982. hal 304.

13

Muhammad Tahir Nafir, Aham al Fizak al Islamiah, Penerbit al Tunisiah Tunisia. 1982. hal. 101.

perumusan aqidah sahaja. Mereka tidak menikirkan lebih jauh bagaimana akibatnya apabila ajarannya diterapkan dalam kehidupan umat. Mereka juga tidak menikirkan bagaimana cara merealisasikan konsep-konsepnya agar apa yang dikemukakan tidak tinggal di atas kertas putih tetapi benar dapat dipraktis yang membawa umat manusia sesuai dengan pemikirannya. Akibatnya selalu timbul jarak yang cukup berbeza antara apa yang diteorikan dengan apa yang diamalkan oleh pengikut dan pendokongnya.

14

—
Dari faktor sifatnya yang berbentuk teori itulah agaknya yang menyebabkan ajaran Asy'ariah dan Mathuridiyah itu hanya dikenal oleh segolongan kecil kaum terpelajar sahaja sedangkan golongan terbesar mengikuti dan mengamalkan berbagai ajaran dan fahaman yang bercampur aduk.

Sebaliknya kerana faktor praktisnya, ajaran Muhammad Abdul Wahhab telah dikenali oleh hampir setiap orang yang mendukung ajarannya, tidak sahaja oleh kalangan terpelajar tetapi termasuk orang-orang awam.

15

Disamping method tersebut terdapat juga cara lain yang dilakukan oleh Muhammad Abdul Wahhab. Iaitu dengan cara mengirim surat-surat kepada pemerintah, ulama-ulama,

14

Ibid.

15

Ibid.

16

dan penduduk-penduduk tertentu. Method dakwah ini sama seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w yang mengirim surat-surat kepada pemerintah-pemerintah di zaman baginda.

Isi kandungan surat-suratnya, beliau mengajak kembali kepada Al Quran dan Sunnah dengan mewajibkan Allah. Beliau juga menyatakan penentangannya terhadap syirik dan bidaah yang boleh melemahkan umat Islam. Disamping itu beliau juga menjawab tuduhan-tuduhan yang dilakukan oleh musuh-musuh keatasnya.

2.3 Tuduhan-Tuduhan Terhadap Muhammad Abdul Wahhab.

Tidak kira siapa juga dikalangan mereka yang melakukan sesuatu perubahan akan menerima kecaman-kecaman dan kritikan dari orang lain. Muhammad Abdul Wahhab juga tidak terlepas dari keadaan ini. Beliau telah menerima kritikan sama ada dari orang Islam sendiri ataupun dari musuh-musuh Islam. Tuduhan-tuduhan beliau kafir, murtad, munafik dan sebagainya sering dilemparkan ke atasnya. Di sini penulis mengemukakan beberapa contoh kritikan-kritikan ke atas dakwah yang beliau lakukan.

1. Tuduhan Mengaku Menjadi Nabi.

Terdapat sesetengah penulis telah menuduh Muhammad

Abdul Wahhab mengaku menjadi nabi. Tuduhan itu telah dimuatkan dalam buku-buku dan risalah-risalah mereka.

Antaranya Alavi b. Ahmad al Haddad. Beliau menjelaskan :

Dengan demikian beliau mengaku secara senyap bahawa beliau membawa agama baru sebagaimana ternyata dari keadaan dan percakapannya. Oleh sebab itu lah dia tidak menerima Agama Nabi kita Muhammad Rasulullah s.a.v kecuali Al Quran. Itupun dia hanya menerima secara zahir sahaja supaya tidak diketahui oleh manusia hakikat dan tujuan yang sebenarnya. Tetapi orang ramai dapat menyelaminya berpendu kekapa bukti dan dalil bahawa beliau dan pengikutnya mentakvil Al Quran mengikut hawa nafsu mereka tanpa mengikut apa yang ditafsirkan oleh Rasulullah, para sahabat, salafus soleh dan imam-imam tafsir. Beliau tidak mengikut pendapat mereka itu dan juga tidak menerima hadith.

17

Kalau diperhatikan segala tuduhan yang dibuat itu kita dapat bahawa Muhammed Abdul Wahhab telah mengaku menjadi nabi secara tersembunyi dalam hatinya sahaja tanpa menzhirkan pengakuannya itu kepada sesiapa pun.

Jadi bagaimakah mereka mengetahui Muhammed Abdul Wahhab mengaku menjadi nabi?. Adakah mereka dapat mengetahui rahsia hati orang lain?. Sudah tentu mereka tidak mengetahui kerana yang mengetahui rahsia hati manusia dan perkara ghaib hanyalah Allah sahaja.

18

Allah bertfirman:

عَالَمُ الْغَيْبِ فَلَا يُقْبَرُ عَلَى غَيْبِهِ أَحَدٌ

Maksudnya:

Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib

17

Sulaiman b. Sahman, al Asinnat al Haddad fi Radd Syubhat alavi al Haddad Riyad.1360 H hal 20.

18

Surah al Jin ayat 26.

make ia tidak memberitahu perkara yang diketahuiNya itu kepada sesiapapun.

Dengan demikian jelaslah tuduhan itu tidak berdasar ianya semata-mata dakyah dan fitnah untuk memburuk-burukkan nama Muhammad Abdul Wahhab dan dakvannya.

2. Tuduhan Merendah Martabat Nabi s.a.v dan Menegah Berselawat ke atasnya.

Ada tuduhan yang mengatakan Muhammad Abdul Wahhab merendah-rendah martabat Nabi Muhammad s.a.v dan menegah orang Islam berselawat ke atasnya semasa berada di atas mimbar selepas azan.

Antara mereka mereka yang membuat fitnah itu mengatakan: Sesungguhnya beliau (Muhammad Abdul Wahhab) kerap kali merendah-zendahkan Nabi s.a.v dengan ibarat yang bermacam-macam. Dengan ini beliau menjadi kafir disisi mazhab-mazhab yang empat.
19

Sebenarnya Muhammad Abdul Wahhab tidak pernah menghina atau mengurang martabat Nabi s.a.v dan melarang orang Islam berselawat ke atasnya. Apa yang tidak disenangi dan ditegah oleh beliau ialah menguatkan suara berselawat keatas Nabi s.a.v selepas azan di atas mimbar pada hari jumaat kerana perbuatan itu mengikut pandangannya bidaah.

19

Sulaiman b. Sahman, Op Cit, hal 16.

20

Dr Abdul Rahman Umarrah, al Syubahat allati uthirat Haul Dakvah al Syeikh Muhammed Abdul Wahhab Buhuth Ushu' al Syeikh Jamiyat Muhammad Saudi Islamiyah 2 1983 h.67

Al Syeikh Abdullah b. Muhammad b. Abdul Wahhab menolak tuduhan tersebut dengan mengatakan:

Apa yang kami berlitiqad dan berpegang dengannya bahawa martabat Nabi kita Muhammad s.a.v adalah setinggi-tinggi martabat sekelian makhluk dan sesungguhnya baginda hidup didalam kubur sebagai kehidupan para syuhada' berdasarkan kepada nas-nas Al Quran kerana baginda lebih afdal dari mereka tanpa ragu-ragu. Sesungguhnya baginda mendengar salam orang yang memberi salam dan disunatkan menziarahinya. Tetapi janganlah bersusah payah untuk musafir kecuali untuk menziarah masjid dan bersembahyang di dalamnya. Apabila ia berniat untuk menziarahi kubur Nabi bersama dengan ziarah masjid maka tidak menjadi kesalahan. Barangsiapa yang menghabiskan waktu yang berharga, untuk berselawat ke atasnya maka sesungguhnya ia berjaya mendapat kebahagian dunia dan

21

akhirat....

3. Menggunakan Senjata Dalam Melaksanakan Dakvah.

Ustaz Muhammad Abu Zuhrah mengatakan bahawa golongan Wahhabi bukan semata-mata menggunakan dakvah untuk menentang segala bentuk bidaah dan khurafat tetapi menggunakan juga pedang.

22

Golongan Syiah juga mempunyai pendirian yang sedemikian. Mereka mengatakan asas pegangan golongan Wahhabi adalah menerima Wahhabi atau pedang. Sesiapa yang menerima akan selamat dan sesiapa yang enggan akan dihalalkan darahnya, disembelih anak-anaknya dan -----

21

Sulaiman b. Sahman, al Hadiyat al Sunniyyat wa al Tuhfat al Wahhabiyat al Najdiyat, Maktabah al Manar Mesir. hal 39

22

Ahmad Abdul Ghaffar A'ttar, Muhammad b. Abdul Wahhab Penerbit Maktabah al Urfan. Beirut cet 2 1972 hal 164-165.

23

dizampus harta.

Tuduhan ini dijawab oleh Ahmad Ghaffur A'ttar dalam bukunya Muhammad Abdul Wahhab. Beliau menjelaskan bahawa jika kita melihat kepada sejarah perjalanan dakwah yang dilakukan oleh Muhammad Abdul Wahhab menampakkan bahawa beliau tidak semata-mata menggunakan pedang untuk menjayakan dakwahnya. Walaupun tidak dinafikan beliau ada menggunakan kekerasan dan kekuatan pedang tetapi dalam keadaan untuk mempertahankan diri dari musuh-musuh beliau yang ramai.²⁴ Ditambah pula jika kita lihat akhlak yang dididik dalam suasana agama tidak mungkin beliau melakukan kekerasan dalam berdakwah.

24

4. Tuduhan Mengkafirkan Orang Islam.

Diantara tuduhan berat yang dilemparkan kepada Muhammad Abdul Wahhab dan pengikutnya ialah tuduhan yang mengatakan bahawa mereka mengkafirkan orang Islam dan mengharuskan bunuh.

Ibnu A'bidin di dalam kitabnya Raddul Mukhtar ada menyebutkan:

Telah berlaku dizaman kita ini dari kalangan pengikut Muhammad Abdul Wahhab yang lahir di kawasan Najd dan yang dapat menawan Hijaz mendakwa bahawa mereka pengikut mazhab Ahmad Hambal. Akan tetapi mereka beri'tiqad bahawa orang-orang yang menyalahi

23

Ibid.

24

Ibid.

mereka dianggap kafir. Mereka mengharuskan membunuh
orang-orang ahli Sunnah termasuk para ulama.

25

Menyentuh tuduhan ini Muhammad Abdul Wahhab telah memberi jawapan katanya:

Apabila kami tidak mengkafirkan mereka yang memuja batu Kubbah di atas kubur Abdul Qadir dan di atas kubur Ahmad Al Nadavi dan kubur-kubur lain kerana mereka itu jahil tentang hukum, tidak ada orang yang menerangkan hukum kepada mereka. Maka bagaimana dikatakan kami mengkafirkan mereka yang tidak melakukan syirik kepada Allah. Maha suci Allah ini

26

adalah tuduhan yang karut.

Al Syeikh Muhammad Abdul Wahhab tidak mengkafirkan seseorang kecuali penyembah-penyembah berhala daripada orang-orang yang menyeru para wali dan orang soleh yang telah mati. Begitu juga mereka yang mensyikikan Allah dan menjadikan baginya perantaraan. Itupun selepas diberi hujjah kepada mereka dan selepas mereka mulakan perpecahan terhadapnya. Ketika itu berulah beliau
menyerangi mereka dan merampas harta benda mereka.

27

Jadi tuduhan terhadap beliau mengkafirkan orang Islam dan menghalalkan darah mereka secara umumnya adalah dusta dan fitnah yang sengaja dibuat-buat supaya orang-orang Islam tidak menerima dakwah dan ajarannya.

5. Penama dengan al Wahhabiyah.

25

Masuud al Nadavi, Q2 C1c hal.63

26

Ibid.

27

Ibid.

Antara syubhat dan fitnah yang ditemui mengenai Muhammad Abdul Wahhab dan pengikutnya ialah menamakan mereka dengan Wahhabiyah atau Wahhabi. Gelaran ini sengaja ditimbulkan dan dibesarkan oleh orang yang tidak senang dengan dakwah beliau dan juga bertujuan memberi gambaran bahawa kumpulan itu adalah kumpulan yang sesat dan kumpulan yang terkeluar dari Islam.

Oleh sebab itulah dalam sesetengah masyarakat Islam apabila disebut sahaja nama Wahhabi mereka akan amat jijik dan takut untuk menghampiri kumpulan tersebut kerana mengikut anggapan mereka Wahhabi adalah satu kumpulan atau mazhab sesat dan menyaleveng.

Tetapi kebenaran dakwah Muhammad Abdul Wahhab semakin hari semakin tersebar luas di kalangan masyarakat Islam setelah karya-karya penulisannya disebar secara meluas oleh mereka yang cintakan kebenaran. Sehingga sekarang nama Wahhabi yang dahulunya dianggap sebagai nama kumpulan yang terpesong dari ajaran Islam bertukar menjadi satu nama kumpulan yang mengajak masyarakat kembali kepada Al Quran dan Sunnah, menyeru kearah maruf dan mencegah kemungkaran, memerangi bidaah dan khurafat dan berpegang dengan mazhab salaf.
28

Selain dari syubhat dan fitnah yang tersebut banyak

28

Ahmad b. Majaz b. Muhammad al Butami, al Syeikh Muhammad Abdul Wahhab Agidatuhy Salafiah wa Dakwatuhu Islahiah, Darul Salafiah Kuwait. 1394. hal 50-51.

lagi rekaan dusta yang disandarkan kepada beliau dan pengikutnya bertujuan untuk memburukkan kumpulannya dan menjauhkan orang-orang Islam dari menghampiri dakvahnya. Tetapi segala fitnah dan syubhat tersebut semakin hari semakin terbongkar dan kebenaran dakvahnya semakin nyata.

2.4 Pengaruh Muhammad Abdul Wahhab Kepada Dunia Islam

Kebangkitan Islam di Jazirah Arab yang di bawa oleh Muhammad Abdul Wahhab telah membuka mata dunia untuk melihat azah perjuangan yang dibawanya. Perjuangannya yang jelas menentang segala bentuk bidaah dan khurafat telah meletakkan beliau sebagai seorang yang dikenali umum.

Walaupun begitu aliran pemikirannya tetap ditentang hebat oleh sesetengah pihak, tetapi tidak dapat dinafikan pengaruhnya telah tersebar keseluruh dunia Islam. Idea pemikirannya telah diperjuangkan oleh mujadid-mujadid dan ulamak terkemudian daripada beliau. Perkembangan pengaruhnya bukan sahaja di Semenanjung Tanah Arab bahkan juga ke negara Islam yang lain. Antaranya Mesir, Sudan, Libya, India, Indonesia, Malaysia dan lain-lain lagi.

Pengaruhnya itu diperkembangkan oleh ulamak-ulamak yang datang belajar di Mekah dan Madinah setelah tertubuhnya Kerajaan Islam Arab Saudi yang dipimpin oleh Amir Muhammad b. Saud. Ulamak-ulamak tersebut apabila

pulang ke negeri masing-masing mereka mengasaskan gerakan Islam di tempat masing-masing dan mengembangkan ajaran yang dipelajari kepada masyarakatnya.

2.4.1 Pengaruhnya di Libya.

Di Libya lahir satu gerakan Islam yang terpengaruh dengan dakwah Muhammad Abdul Wahhab. Gerakan ini dinamakan Gerakan Sanusiyyah. Pengasas gerakan ini bernama Muhammad Ali as Sanusi. Beliau telah pergi ke Mekah untuk menuntut ilmu. Ketika itu golongan Wahhabi mengusai Mekah. Beliau mendampingi golongan Wahhabi dan belajar dengan ulamak-ulamak mereka. Dengan itu secara tidak langsung beliau telah terpengaruh dengan idea pemikiran Muhammad Abdul Wahhab.²⁹

Muhammad Ali Sanusi awal-awal lagi menunjukkan kesungguhan untuk belajar dan beribadat. Beliau telah mempelajari aqidah di Moorish University of Fez. Selepas itu beliau telah mengembara melintasi Afrika Utara untuk memberi ceramah bagi usaha tajdid terhadap kesalahan yang banyak berlaku didalam fahaman umat Islam. Beliau telah menziarahi Mekah pada tahun 1829 M untuk menuaikan haji dan disana kegiatan pembaharuan masih berjalan dengan hebat yang dilakukan oleh ulamak-ulamak Wahhabi.³⁰

29 Ahmad b. Hajar b. Muhammad ali Butami,Op Cit,hal 106

30 Lothrop Stoddard,Dunia Baru Islam,Terjemahan Panitia Penerbit Nenko Kesejahteraan, Jakarta 1966. hal 53.

Melalui gerakan Islahiyah itu kehidupan umat Islam di Libya berubah kearah lebih baik dan memberi kesan dalam kehidupan mereka. Umat Islam disana telah bangun untuk menentang penjajah Itali dengan bersungguh-sungguh sehingga dianggap gerakan Sanusiyyah di Libya sebagai sebab permulaan sejarah baru disana. Ianya telah berkenanbang ke Afrika Barat dan membantu kerajaan yang kuat.

Gerakan Sanusiyyah iai telah berjaya menghasilkan
31
beberapa natiyah:

1. Membangkitkan kesedaran tentang keagongan Islam dikalangan pengikut-pengikutnya secara keseluruhan.
2. Membangkitkan semangat menentang penjajah Barat yang sedang menjajah negara-negara Islam.
3. Berjaya mengembalikan umat Islam (kepada Islam yang sebenar) serta menyebarkan dakwah Islamiah.
4. Berjaya melahirkan ulamak-ulamak dan sasterawan Islam.

Secara umum boleh kita katakan bahawa idea pemikiran yang dibawa oleh Muhammad Sanusi tidak berbeza dengan apa yang dibawa oleh Muhammad Abdul Wahhab. Iaitu untuk mengembalikan kedudukan Islam yang sebenarnya dan mengajak umat Islam berpegang dengan Al Quran Dan Sunnah Rasulullah s.a.v.

31

Wahbah al Zuhaily, Ta'athir al Dakwah al Islahiyah
bil Dakwah al Syaikh Muhammad Abdul Wahhab, Matba' al Imam
Muhammad Saud al Islahiyah, Riyad 1980, hal 30.

2.4.2 Pengaruhnya di India

Pengaruh pemikiran Muhammad Abdul Wahhab mulai tersebar di India di dua kawasan utama iaitu di Banggala dan Punjab.

DI Banggala bermula pada tahun 1804 M yang dibawa oleh Syariatullah seorang ulamak terkenal yang belajar di Mekah lebih kurang 20 tahun (1782-1802). Dimasa itu pengaruh Muhammad Abdul Wahhab di Mekah kuat. Apabila beliau pulang ke Banggala beliau memperkenalkan ajaran pemikiran Muhammad Abdul Wahhab iaitu yang dinamakan fahaman salaf dengan menubuhkan satu gerakan Islam dinamakan "Gerakan Faraidhah" pada tahun 1804 M. Beliau terus mengajak umat Islam supaya kembali kepada agidah Islam sebenar dan menolak sebarang bentuk bidaah dan khurafat.

32 Gerakan ini kesudian menganggap India adalah negeri kafir kerana itu akhirnya gerakan ini bangkit menentang penjajah Inggeris yang memakan masa beberapa tahun lamanya. Apabila Syariatullah meninggal dunia gerakan ini dipimpin pula oleh anaknya Ju Zu Hayyan sehingga 33 alih-alih beliau mati pada tahun 1860 M. Walaupun pemimpinnya mati gerakan ini terus hidup selepas itu.

32 Ahmad Abdul Ghaffar A'attar,Oo Cit., hal. 208.

33 Ahmad b. Hajaz b. Muhammad Ali Butami,Oo Cit., hal 104-105

Di Punjab pengaruh pemikiran Muhammed Abdul Wahhab telah diperkenalkan oleh Syed Ahmad Al Bazili. Beliau merupakan seorang ulamak terkenal datang ke Mekah untuk menunaikan haji pada tahun 1822 M. Di Mekah beliau belajar dengan ulamak-ulamak pengikut Muhammed Abdul Wahhab. Setelah pulang beliau mengajak orang ramai berpegang dengan ajaran Islam dan meninggalkan analan bidaah dan khurafat.

34

Dengan usaha yang gigih beliau dapat mengumpul ramai pengikut dan mereka semua telah mengamalkan ajaran wahhabi di Punjab dan dapat menubuhkan kerajaan Islam disana beberapa ketika.

Sebenarnya kebangkitan gerakan Islam berasaskan aliran salaf telah muncul di India lebih awal dari dua gerakan yang lahir di Banggala dan Punjab. Ini adalah kerana pada tahun 1703 M telah lahir Syaikh Watt Allah Al Dahlawi seorang ulamak yang membawa pembaharuan di India.

35

Beliau juga telah terpengaruh dengan pemikiran pembaharuan yang dibawa oleh Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Qayyim. Pada tahun 1722 M-1725 M beliau telah pergi ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji. Dalam kesempatan itu

34

Ibid.

35

Muhammed Abdul Wahhab Dan Pengaruhnya Kepada Dunia Islam Dalam Bidang Aqidah Dan Politik. (kertas kerja)

beliau berpeluang mengikuti pergerakan Muhammad Abdul Wahhab. Sekembalinya ke India beliau telah membuat seruan kepada pemimpin-pemimpin politik Islam, para ulamak dan masyarakat umum untuk bangun berjihad menentang kezaliman termasuklah kepada pemimpin pemerintah Mongoli India. Setelah gagal mendapat kerjasama dan bantuan, beliau telah menghubungi Ahmad Syah selavan kaum Duranî dan Sik. Demikian juga beliau pernah menghubungi Najib Al Daulah pemimpin kaum Rosil Hundi supaya bangun menentang kezaliman orang-orang Jet.

Dengan seruan beliau Inggeris merasakan sesuatu yang membahayakan kedudukannya kerana gerakan pembaharuan Syaikh Al Dahlavi adalah bertepatan dengan apa yang dilakukan oleh Muhammad Abdul Wahhab. Oleh itu usaha untuk melumpuhkan gerakan ini dilakukan dengan dakyah-dakyah yang membungkukan gerakan ini.

Pergerakan ini telah dilanjutkan oleh anak-anaknya seperti Syaikh Abdul Aziz (seorang muhaddis), Syikah Rafik Al Din dan anak murid beliau seperti Said Ahmad Syahid dan lain-lain lagi.

2.4.3 Pengaruhnya di Sudan

Di Sudan pengaruh Muhammad Abdul Wahhab diperkenalkan oleh dua orang tokoh iaitu Muhammad b. Ahmad Al Mahdi di

bahagian utara dan Uthman Dan Podio di bahagian barat negara tersebut.

Gerakan yang dipimpin oleh Muhammad b. Ahmad Al Mahdi terkenal dengan nama gerakan Mahdiyyah yang mula berkembang di utara Sudan pada kurun ke 19. Al Mahdi telah memulakan dakwahnya di Semenanjung 'Aba' yang ditujukan kepada ketua-ketua kaum dan para ulamak. Kemudiannya beliau melakukan dakwah secara terbuka kepada masyarakat Islam dengan menyeru mereka supaya menolong agama dan bangun mengukuhkan 'Al Mahdiyyah Al Kubr' yang ditentukan oleh Allah dan menolong mengembangkan ajaran ³⁷
Al Quran dan Al Sunnah.

Gerakan Al Mahdiyyah ini telah dihapuskan oleh penjajah British dan menduduki Sudan pada tahun 1891 M. Kemudiannya British menubuhkan Persekutuan Sudan pada ³⁸ tahun 1899 M. Namun begitu gerakan ini telah banyak meninggalkan kesan kepada Sudan. Diantaranya membebaskan Sudan dari penjajahan, meninggikan ekonomi dan akhlak penduduknya serta membina masyarakat Islam Sudan dengan membangunkan sistem pendidikan seperti yang dibina oleh masyarakat awal Islam. Ia telah menjadikan penduduk Sudan sebagai umat baru yang berpegang kepada pendidikan Islam.

37 Wahbah al Zuhaily, QD Cilt. hal 32.

38 Anvar al Jundi, Ta'athar al Dakwah al Islahiyyah bi Dakwah al Sayyikh Muhammad Abdul Wahhab, Matabi' Jamiah, al Imam Muhammad Saad, Riyad, 1980, hal 5.

Gerakan kedua di Sudan yang terpengaruh dengan Muhammad Abdul Wahhab ialah yang dipimpin oleh Uthman Dan Podio salah seorang anggota kabilah Al Faula yang terdapat di Sudan. Beliau telah bertemu dengan ulamak-ulamak Wahhabi di musim haji dan berpegang dengan ³⁹ asas-asas perjuangan yang dibawa oleh Muhammad Abdul Wahhab.

Sekembalinya Uthman Dan Podio ke negaranya beliau terus menjalankan dakwah dikalangan keluarga dan kaumnya. Beliau memerangi segala bentuk bidaah dan menentang bentuk penyembahan berhala yang bercampur dengan aqidah Islamiah.

Beliau menyebarkan pengajaran Islam yang suci dan mengembangkan asas dakwah yang dibawa oleh Muhammad Abdul Wahhab. Beliau juga mengajak umat Islam yang berpecah supaya bersatu dengan ikatan agama yang kukuh dan padu.

Dakwah yang dibawa oleh Uthman Dan Podio ini telah berjaya meninggalkan kesan yang besar kepada barat Afrika dan Sudan dengan mengembalikan umat Islam kepada perjalanan salaf al soleh dan menghapuskan bidaah dan khurafat.

2.4.4 Pengaruhnya di Mesir

Di Mesir pengaruh dakwah Muhammad Abdul Wahhab lebih ketara lagi. Di sana lahir tokoh-tokoh yang membawa

kesedaran kearah kebangkitan umat Islam. Diantara tokoh-tokoh itu ialah Muhammad Abduh, muridnya Ahmad Rashid Ridha dan Hassan Al Banna yang mengasaskan gerakan Ikhwan Muslimin.

Muhammad Abduh telah melihat ajaran Muhammad Abdul Wahhab telah berkeembang luas. Oleh itu beliau berpendapat dakwah dan pendidikan haruslah dikembalikan mengikut apa yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.v. Begitu juga seperti yang diperjuangkan oleh Ibnu 'Atiyyah dan Muhammad Abdul Wahhab. Usaha yang dilakukan oleh Muhammad Abduh adalah untuk menegakkan anal soleh dalam diri umat Islam dengan menekankan dua asas yang juga ditekankan oleh

40

Muhammad Abdul Wahhab:

1. Memerangi bidaah dan kerosakan aqidah Islam hasil dari kemasukan unsur-unsur syirik yang mempersekutukan Allah dengan para wali dan pemujaan kubur.
2. Membuka pintu ijtihad yang telah tertutup oleh kelemahan akal para petaqlid.

Dengan usaha yang gigih beliau dapat membangkitkan semangat kesedaran Islam di kalangan umat Arab sehingga mereka sedar mereka mesti bangun dari tidur. Mereka mesti berusaha untuk mengembalikan keagungan Islam yang asal tidak cukup hanya bermegah dengan keagungan Islam yang

40

Muhammad Salam Madkur, Ta'athar al Dakwah al Islahiyah al Islamiyah bi Dakwah al Syeikh Muhammad Abdul Wahhab, Matabi' Jammiah al Imam Muhammad Saud, Riyad. 1980
hal 19.

silam.

Setelah beliau meninggal tempatnya diambil alih oleh muridnya Muhammed Rasyid Ridha. Beliau berpeluang menulis riwayat hidup Muhammad Abdur dan menulis tafsir Al Manar setebal 12 juzuk, majalah Al Manar dan kitab-kitab yang lain.

Dalam kurun ini lahir pula gerakan Ikhwan Muslimin yang diasaskan oleh Hassan Al Banna yang banyak terpengaruh dengan pandangan Muhammad Abdul Wahhab dari segi usaha pengislahan.

Dr Salam Madkur telah menekankan kata-kata Hassan Al Banna yang menunjukkan beliau telah banyak mengikut 41 pandangan Muhammad Abdul Wahhab. Diantaranya:

Semua perkara bidaah di dalam agama Allah tiada asal baginya sama ada berbentuk penambahan atau pengurangan. Ianya adalah sesat wajib diperangi. Menziarahi kubur dan lain-lain yang seumpamanya adalah sunnah yang disyariatkan seperti yang diriwayatkan yang boleh menggegarkan hati, mengeluarkan air mata dan mengangkat akhirat tetapi meminta pertolongan di kubur-kubur dimana sahaja dan seruan memohon hajat darinya sama ada dekat atau jauh, bernazar dengannya, membangunkan (binaan kubur), memandikannya dan bersumpah dengan nama Allah dari apa yang bersangkutan dengannya adalah dari perkara bidaah berdosa besar yang wajib diperangi...

Secara umumnya boleh dikatakan bahawa pengaruh Muhammad Abdul Wahhab dapat dilihat pada asas-asas perjuangan tokoh-tokoh yang disebutkan. Pengembalian

kepada Al Quran dan Sunnah serta penentangan amalan bidaah dan khurafat merupakan asas perjuangan Muhammad Abdurrahman Hassan Al Banna.

2.4.5 Pengaruhnya di Indonesia.

Dalam beberapa buku tentang sejarah gerakan Islam Modern di Indonesia, idea pembaharuan reformasi yang dipelopori oleh Ibnu Taimiyah (1263-1328) dan dilanjutkan oleh muridnya Ibnu Qaiyyim al Jauziyyah (1292-1350) kemudian dihilangkan kembali oleh Muhammad Abdul Wahhab (1703-1787) dan disambung oleh beberapa tokoh lain. Idea ini telah mulai dikenali di daerah Minangkabau. Ia dibawa oleh Haji Misikin dan kawan-kawannya setelah pulang dari Mekah sekitar tahun 1803.⁴²

Jalan pembaharuan yang ditempuhi oleh aliran pembaharuan di Indonesia dalam peringkat ini ialah dengan cara radikal dan jika perlu dengan menumpahkan darah demi tujuan memurnikan Islam dari ajaran khurafat dan adat yang berbau jahiliyah.

Gerakan ini telah dikalahkan oleh pihak penjajah Belanda setelah berlaku perang yang memakan masa selama 15 tahun.

42

Ustaz Mohd Kamil b. Abdul Majid, Cabarani Umat Dewasa Ini (Suatu Penyelesaian Menurut Islam), Fakulti Usuluddin, A.I.U.M. 1988 hal 109.

Gelombang kedua ialah bangkitnya apa yang dikenali sebagai "Kaum Muda" yang dikembangkan oleh Syeikh Muhammad Abdullah Ahmad (1878-1933), Syeikh Haji Karim Amrullah (1879-1949), Syeikh Muhammad Jamil Jambek (1860-1947) dan lain-lain yang mengadakan perubahan dalam bentuk ceramah, pengajian, madrasah dan sekolah-sekolah pondok yang dipanggil pesantren.

43

Gelombang ketiga ialah terdirinya Persyarikatan Muhammadiyah, yang didirikan oleh K.H.A Dahlan di Yogyakarta pada tahun 1912. Muhammadiyah merupakan perkumpulan paling ramai pengikut, organisasinya lebih teratur. Haji Ahmad Dahlan pula sebagai seorang ulamak yang mendapat pendidikan di Mekah, bekerja sebagai saudagar kain berpeluang ke sana kemari dengan bebas untuk menjelaskan sikap dan perjuangannya.

44

Pergerakan Muhammadiyah adalah sebuah wadah untuk mengumpulkan segala unsur penting dalam masyarakat Islam Indonesia baik ulamak, guru, doktor, sarjana hukum, sarjana ekonomi, atau lainnya untuk sama-sama bekerja mengabdikan diri kepada Allah, melakukan kebaikan kepada manusia dengan ikhlas dan jujur.

2.4.6 Pengaruhnya di Malaysia

43

Ibid. hal 110.

44

Ibid. hal 111.

Di Malaysia percikan dari pemikiran Islam yang berdasarkan sifat-sifat islah ini telah menguasai dan disebarluaskan melalui saluran Mesir dan India. Kehadiran Syed Syaikh al Hadi, Syaikh Jalaluddin, Haji Abbas Taha dan Datuk Haji Muhammad b. Haji Muhammad Said telah memperkenalkan pembaharuan seperti yang berlaku di Mesir. Mereka ini mengambil inisiatif menerbitkan beberapa majalah yang berpengaruh di Malaysia seperti Al Imam, Al Ikhwan, Pengasuh dan lain-lain lagi. Ianya merupakan usaha untuk membangunkan kesedaran masyarakat Islam di rantau ini. Mereka juga mengasaskan beberapa sekolah seperti Madrasah Al Iqbal di Singapura 1908 M, Madrasah Al Hadi di Melaka 1917 M, Madrasah Al Masyhor di Pulau Pinang dan lain-lain lagi.

Di Kelantan pula lahir Abu Abdullah Syed Hassan b. Nor Hassan yang lebih dikenali sebagai Tok Khurasan seorang ulamak dari Afghanistan dan pernah mendapat didikan di India telah ikut membawa perubahan. Melalui pengaruh dan kedudukannya dalam bidang keilmuan telah menarik minat pelajar-pelajar tempatan seperti Haji Nik Abdullah b. Haji Wan Musa untuk melanjutkan pengajian di India dan pulang ke tanahair menularkan kesedaran kepada masyarakat.

45

En Zakaria @ Mahmood Daud Ali, Op Cit, hal.

46

Ibid.

Selain daripada itu terdapat juga ulamak yang mendapat pengaruh dari Arab Saudi yang membawa kesedaran kepada umat Islam di sini hasil daripada pengaruh Islam dan tajdid oleh Muhammad Abdul Wahhab. Diantaranya Haji Muhammad Yusuf b. Muhammad yang lebih dikenali sebagai "Tok Kenali" yang pernah berada di Mekah selama 20 tahun. Beliau pernah dilantik menjadi pengarang kepada majalah "Pengasuh". Melalui majalah ini sezuan-seruan kearah tajdid dan Islam dibuat.